

30 OCT 2003

Mahathir-Perpaduan/I

DR M PUJI RAKYAT M'SIA KERANA TOLERANSI KAUM

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan penghargaan kepada semua rakyat Malaysia kerana dapat hidup aman harmoni, bukan seperti di banyak daripada negara-negara berbilang kaum.

"Sementara kita tidak boleh berkata kita telahpun bersatu menjadi satu kaum tunggal, kita kini lebih harmoni dalam sikap kita terhadap antara satu sama lain berbanding di kebanyakan negara lain.

"Saya rasa kita telah menyaksikan pencapaian lebih baik berbanding di kebanyakan negara lain yang mempunyai penduduk berbilang kaum," kata beliau kepada pemberita selepas persidangan media selepas mempengerusikan buat kali terakhir mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di sini.

Dr Mahathir akan bersara daripada jawatan Perdana Menteri dan presiden Umno esok. Beliau akan digantikan oleh timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata demikian apabila ditanya oleh seorang wartawan asing bagaimana "Bangsa Malaysia" boleh menjadi kenyataan memandangkan kewujudan apa yang dikatakannya sebagai halangan dalam mencapai matlamat itu.

Dr Mahathir berkata di beberapa negara berlaku diskriminasi dan kurangnya kerjasama antara kaum-kaum.

"Walau apapun, saya suka menyatakan di sini bahawa di masa depan tidak akan terdapat negara dengan satu-satunya kumpulan etnik. Setiap negara akan mempunyai penduduk daripada bangsa berlainan yang hidup bersama.

"Dan kita sudahpun menyaksikan diskriminasi terhadap kaum, khususnya terhadap orang Asia dan Afrika, di negara-negara benua Eropah dan Amerika. Dan kini berlaku diskriminasi terhadap orang Islam," kata beliau lagi.

Orang Islam kini disyaki sebagai penganas sedangkan semua orang tahu bukan Islam juga boleh menjadi penganas.

"Jadi adalah baik jika penduduk di negara-negara ini menumpukan pada usaha bagaimana untuk mencapai perpaduan di kalangan mereka," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

MAM AZZ PR